



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
17 OGOS 2017 (KHAMIS)

AKHBAR	MUKA SURAT
Sinar Harian	
- Peniaga akur premis dirobuhkan	40
- Harap projek EKVE segera selesai	40
The Star	
- Stalls demolished to make way for EKVE	04
- MPAJ TAX COLLECTION	04
Berita Harian	
- 39 gerai atas rizab JKR kena roboh	12-13



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
17 OGOS 2017 (KHAMIS)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Peniaga akur premis dirobohkan
Muka Surat	40

Peniaga akur premis dirobohkan

Mereka mohon diberi wang sagu hati lebih munasabah



Antara peniaga-peniaga yang terlibat.

AMPANG – Seramai 39 pemilik premis di persimpangan selekoh Kampung Pasir, Ukay Perdana, Hulu Klang di sini, akur dengan tindakan perobohan yang dilaksanakan Pejabat Tanah dan Galian Persekutuan, semalam.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasa dan Hasil Persekutuan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Mohd Rashidi Ruslan berkata, operasi ini bertujuan mengosongkan kawasan kedai yang terdapat di selekoh persimpangan bagi projek Persekutuan iaitu Projek Lebuhraya East Klang Valley (EKVE) dapat dijalankan segera.

“Operasi ini adalah operasi kali kedua selepas operasi pertama pada 1 Ogos lalu ditangguhkan,” katanya.

Beliau berkata, tapak ini telah dibuat pengambilan tanah oleh kerajaan dan bayaran pampasan telah diberikan kepada semua pihak yang berkepentingan di atas tapak

tersebut.

“Namun begitu, apabila projek hendak dilaksanakan didapati 39 premis telah menduduki tapak ini tanpa kebenaran sah oleh pihak kerajaan. Notis pengosongan tapak telah dikemukakan kepada semua pemilik pada 20 Ogos 2016 dan 20 Jun lalu oleh Pejabat Tanah dan Daerah Gombak. Bagaimanapun, premis-premis tersebut masih belum dikosongkan oleh semua pemilik dalam tempoh masa ditetapkan,” katanya.

Beliau berkata, operasi pada kali ini adalah selaras dengan Seksyen 426A, Kanun Tanah Negara 1965.

“Kerajaan Persekutuan telah mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri melalui Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) dan telah bersetuju untuk menjalankan operasi untuk pengosongan kawasan ini dengan kadar segera,” katanya.

Menurutnya, pihak konsesi iaitu Ahmad Zaki Resources Berhad

INFO
● Operasi dilaksanakan selaras dengan Seksyen 426A, Kanun Tanah Negara 1965

(AZRB) bersetuju memberikan sagu hati sebanyak RM8,000 kepada setiap pemilik struktur berdasarkan budi bicara dengan persetujuan Mesyuarat MTES.

“Projek ini perlu dilaksanakan segera kerana ia telah lewat jadual selama 10 bulan berikutan pendudukan secara tidak sah ini.

“Peraksanaan projek ini akan mengurangkan kesesakan jalan raya dan beri manfaat kepada penduduk kawasan sekitarnya,” katanya.

Turut hadir, Ketua Polis Daerah Ampang Asisten Komisisioner Hamzah Alias dan Pengarah Jabatan Penguatkuasa Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Addy Hissham Elias.

Koordinator Pembangunan Persekutuan N18 Dun Hulu Kelang, Ismail Ahmad berkata, para peniaga membangkitkan agar diberi wang sagu hati yang lebih munasabah agar dapat meneruskan mata pencarian rezeki.

“Kita akan cuba bincang lagi dengan AZRB supaya wang sagu hati dapat ditambah agar pemilik premis ini rasa nasib mereka terbelah setelah usaha mereka berniaga selama 30 tahun musnah sekelip mata,” katanya.

Tambahnya, harapan peniaga untuk dapat tapak ganti berkemungkinan tipis.



Operasi merobohkan premis sedang dijalankan.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 17 OGOS 2017 (KHAMIS)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Harap projek EKVE segera selesai
Muka Surat	40

Harap projek EKVE segera selesai

AMPANG - Penduduk di sekitar Ukay Perdana dan Bukit Antarabangsa berharap Projek Lebuhraya East Klang Valley (EKVE) dapat diselesaikan segera bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut.

Timbalan Pengerusi Majlis Gabungan Persatuan Penduduk Ukay Perdana, Murza Murad berkata, pada masa kini berlaku kesesakan di laluan berkenaan khususnya pada

waktu puncak.

"Penduduk terpaksa guna jalan ini untuk hantar anak ke SK Taman Melawati, dan SMK Lembah Keramat serta SMK Seksyen 5, Wangsa Maju sebab ketiadaan sekolah di sekitar Ukay Perdana dan Bukit Antarabangsa," katanya pada sidang media baru-baru ini.

Katanya, dianggarkan kira-kira 30,000 kenderaan melalui jalan berkenaan ketika waktu puncak.



Murza (kiri) bersama penduduk melihat pelan projek EKVE.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 17 OGOS 2017 (KHAMIS)	
Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Stalls demolished to make way for EKVE
Muka Surat	04



An excavator demolishing one of the 39 stalls at the Kampung Pasir junction in Batu 7, Hulu Kelang.

Stalls demolished to make way for EKVE

By JAROD LIM
jarodlim@thestar.com.my

THIRTY-nine stalls operating at Batu 7 in Hulu Kelang were demolished during a joint operation by several government agencies.

Personnel from the Ampang Jaya Municipal Council, Malaysian Civil Defence Force, the police and Rela were involved in the enforcement exercise.

The first attempt to clear the stalls located at the Kampung Pasir junction to make way for the East Klang Valley Expressway (EKVE) on Aug 1 was unsuccessful after a scuffle broke out but yesterday's operation proceeded without incident.

However, seven operators had filed a legal case against the Gombak Land Office and Selangor government two weeks ago.

Their lawyer Kamarudin Ahmad said the High Court issued a prohibitory order to stop the land office from demolishing the stalls of his clients.

"They are not against the development of the area. They are seeking compensation and relocation costs from the developer.

"The officers should have waited until the hearing on August 23," he told *StarMetro*.

Before the demolition began, a representative from the land office read out a statement from the Department of Lands and Mines that the stall proprietors had illegally occupied the space

without obtaining prior approval from the state.

"The land office sent notices to all stall owners on Aug 20 last year and June 20 this year.

"This operation was carried out under Section 426A of the National Land Code 1965.

"The concessionaire for the highway Ahmad Zaki Resources Bhd had also agreed to pay RM8,000 to owners of the structures as compensation," he said, adding that the EKVE construction was delayed because of the illegal stalls.

Gabungan NGO 1Malaysia (GN1M) chairman Muhammad Nazlee Aziz Yeop, who is one of the operators who filed the suit, said he had all the necessary documents to prove they were operating legally.

"I have also made a police report," he said.

Cars parked in front of the stalls were towed away and furniture removed before excavators were brought in to tear down the structures.

Rabiatul Adawaih Hasan, who owns a tailoring business, said they were not informed about the new site they would be relocated to.

"The developer has not met us and I was only told about the compensation yesterday.

"Now, I will have to operate from my house in Bukit Antarabangsa, Ampang," she said, adding that the stalls had been there for almost 30 years.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 17 OGOS 2017 (KHAMIS)	
Akhbar	The Star
Tajuk Berita	MPAJ TAX COLLECTION
Muka Surat	04

75 17/8/17 m/s 04
MPAJ TAX COLLECTION
Ampang Jaya Municipal Council will have payment collection counters at Ampang Point and Aeon Big, Ampang from 6pm to 9pm on weekdays and noon to 9pm on weekends, until Aug 29, to collect assessment tax. For details, call 03-4296 8004.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 17 OGOS 2017 (KHAMIS)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	39 gerai atas rizab JKR kena roboh
Muka Surat	12-13

Ms.12

Khamis, 17 Ogos 2017 **BH**

→ HALAMAN KOTA

ADUAN PEMBACA
Pembaca yang ingin mengemukakan pandangan atau masalah boleh e-mel ke bhnews@bh.com.my



Kakitangan Majlis Perbandaran Ampang Jaya meroboh deretan kedai haram di Kampung Pasir, Ampang.

39 gerai atas rizab JKR kena roboh

Tapak persimpangan Kampung Pasir jadi laluan EKVE untuk kurangkan kesesakan

Oleh Nadia Hamid
nnadia@bh.com.my
Kuala Lumpur

Sebanyak 39 tapak gerai terjejak di selekoh persimpangan Kampung Pasir yang sudah beroperasi sejak 25 tahun lalu,

dirobohkan semalam, bagi memberi laluan kepada pembinaan projek Lebuhraya East Klang Valley Expressway (EKVE).

Projek Lebuhraya EKVE, yang memberi manfaat mengurangkan kesesakan jalan raya di kawasan berkenaan tertangguh pembinaannya selama 10 bulan, berikutan pendudukan secara tidak sah itu.

Jurucakap Jabatan Tanah dan Galian (JTG), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, berkata semua peniaga dan pemilik struktur di atas tanah rizab Jabatan Kerja Raya itu sudah diberikan dua notis pengosongan tapak, iaitu pada 20 Ogos tahun lalu dan 20 Jun lalu.

Katanya, peniaga juga diberikan tempoh lanjutan mengosongkan tapak gerai mereka selama sebulan selepas tarikh notis berakhir, iaitu

sehingga 31 Julai lalu bagaimana pun, tiada tindakan susulan.

"Operasi ini adalah yang pertama, selepas tertangguh pada 1 Ogos lalu dan selaras dengan Seksyen 426A, Kanun Tanah Negara 1965.

Peniaga diberi pampasan

"Kerajaan Persekutuan mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri melalui Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES), yang bersetuju menjalankan operasi pengosongan kawasan ini dengan segera," katanya dalam satu kenyataan.

Mengulas lanjut, jurucakap JTG berkata, semua peniaga dan pihak berkepentingan diberikan pampasan RM8,000 atas budi bicara pihak konsesi, Ahmad Zaki Resources Berhad (AZRB), dengan persetujuan Mesyuarat MTES.



Barangan dikumpul selepas gerai dirobohkan.

→ HALAMAN KOTA



(FOTO SUPIAN AHMAD/BH)

Fakta
nomborRM8,000
PAMPASANdiberi kepada
semua peniaga
dan pihak
berkepentingan

5 PENIAGA

tidak bersetuju
premis mereka
dirobohkan

**Operasi merobohkan gerai
terletak di selekoh persimpangan
Kampung Pasir kerana kawasan
berkenaan jadi laluan EKVE.**



Antara gerai yang dirobohkan di Kampung Pasir, Ampang.

Peniaga berang buat laporan polis

Ampang: Lima daripada 39 peniaga tapak gerai di selekoh persimpangan Kampung Pasir di sini, tidak bersetuju premis mereka dirobohkan kerana sudah berniaga di situ hampir 25 tahun lalu.

Pengerusi Gabungan NGO 1Malaysia, Nazlee Abdul Aziz Yeop, yang mewakili lima peniaga itu, berkata pihaknya tidak bersetuju tindakan merobohkan lima gerai yang memiliki pemilikan berstruktur bersama dewan berdekatan.

Katanya, lima peniaga gerai terbabit juga sudah merujuk kes masing-masing ke mahkamah.

"Kami akan memfaikan permohonan supaya Pejabat Tanah Daerah Gombak, dikenakan perintah menghina mahkamah kerana merobohkan gerai mereka.

Perintah larangan

"Ini berikutan ada perintah larangan yang dikeluarkan mahkamah berhubung pemilik bersama struktur lima gerai bersama dewan. Mahkamah dijadualkan membuat keputusan berhubung perkara itu, Rabu minggu depan.

"Persoalannya, tidakkah mereka (JTG dan kerajaan) boleh memberi kami masa sehingga mahkamah mengeluarkan arahan jelas berhubung kes ini," katanya.

Nazlee berkata, pihaknya tidak peduli dengan nasib peniaga lain yang tidak membuat tuntutan di mahkamah, berikutan tiada kos bayaran dikenakan kepada peniaga itu.

Sehubungan itu, pihaknya mengesahkan Pejabat Tanah Daerah Gombak dan JTG mengeluarkan penjelasan lanjut mengenai isu itu.

Pada masa sama, Nazlee bersama beberapa peniaga terbabit membuat laporan berhubung isu sama di Balai Polis Hulu Kelang, pagi semalam.

"Kita serahkan kes ini kepada polis, untuk siasat lebih lanjut," katanya.



Ini berikutan ada perintah larangan yang dikeluarkan mahkamah berhubung pemilik bersama struktur lima gerai bersama dewan. Mahkamah dijadualkan membuat keputusan berhubung perkara itu, Rabu minggu depan. Persoalannya, tidakkah mereka (JTG dan kerajaan) boleh memberi kami masa sehingga mahkamah mengeluarkan arahan jelas berhubung kes ini"

Nazlee Abdul Aziz Yeop,
Pengerusi Gabungan NGO 1Malaysia